

PEKELILING NAIB CANSOLOR

Tarikh: 25 April 2018 BIL. 1 TAHUN 2018 Ruj: UMS/CAN1.1/100-1/7/1 (14)

LARANGAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM POLITIK KE ATAS KAKITANGAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1. Adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan **Peraturan 20** Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], **semua pegawai badan berkanun** dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah **dilarang mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai apa-apa lambang parti politik dan secara khususnya tidak boleh :-**

- (a) membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan suatu pandangan yang berat sebelah tentang apa-apa perkara yang menjadi isu antara parti-parti politik ;
- (b) menerbitkan atau mengedar apa-apa bahan yang mengemukakan pandangannya yang berat sebelah atau pandangan orang lain, tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan mana-mana parti politik;
- (c) terlibat dalam merayu undi bagi menyokong mana-mana calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri atau apa-apa pemilihan untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik;
- (d) bertindak sebagai ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundi atau atas apa-apa sifat untuk atau bagi pihak seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau bagi mana-mana Dewan Undangan Negeri;
- (e) bertanding untuk apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik; atau

(f) memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik.

2. Walau bagaimanapun, terdapat **PENGECUALIAN** untuk larangan tersebut di atas seperti berikut :-

(a) **pegawai badan berkanun dalam Kumpulan Pelaksana I dan II** adalah **dibenarkan** untuk bertanding atau memegang jawatan atau dilantik bagi memegang apa-apa jawatan dalam sesuatu parti politik **setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Lembaga Pengarah Universiti**; dan

(b) **pegawai badan berkanun dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi atau Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang telah dibenarkan bercuti hingga ke tarikh persaraannya bagi maksud menghabiskan cutinya yang terkumpul **boleh** mengambil bahagian dalam aktiviti politik **setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Lembaga Pengarah Universiti untuk berbuat demikian (permohonan untuk kelulusan hendaklah dibuat tidak kurang daripada tiga (3) bulan sebelum tarikh pegawai dibenarkan bercuti); dan dengan penglibatan sedemikian dia tidak melanggar peruntukan-peruntukan dalam Akta Rahsia Rasmi 1972;**

3. Penglibatan pegawai dalam aktiviti politik adalah bertentangan dengan prinsip '*neutrality*' dan '*impartiality*' yang diamalkan dalam perkhidmatan awam. Keadaan ini juga boleh menimbulkan suasana yang tidak harmoni di tempat kerja.

4. Sehubungan itu, sekiranya terdapat mana-mana pegawai yang melanggar larangan tersebut di atas, **tindakan tatatertib** boleh dikenakan berdasarkan peruntukan di dalam Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

5. Kerjasama daripada **semua Ketua Jabatan untuk memantau dan mengawasi kakitangan di bawa seliaan** adalah amat diharapkan dalam menguatkuasakan peraturan ini.

Sekian untuk makluman dan perhatian YBhg.Prof./Dr./tuan/puan.

Terima kasih.

"BERTEKAD CEMERLANG"

Yang ikhlas,



PROFESOR DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN

Naib Canselor

- s.k
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Dekan-Dekan Fakulti
 - Pengarah-Pengarah Institut
 - Ketua-Ketua Jabatan/Pusat/Institut